

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: KOSMO (NEGARA)

TARIKH: 29 OGOS 2019

MUKA SURAT: 15

75 peratus kebakaran hutan berjaya dipadamkan

JOHOR BAHRU - Sebanyak 75 peratus daripada 16 hektar hutan yang terbakar di Jalan Tanjung Kupang, dekat Gelang Patah berjaya dipadamkan. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) negeri setakat ini.

Ketua Zon 1 JBPM Johor, Mohamad Faizul Selamat berkata, operasi yang masuk hari kelapan itu melibatkan seramai 140 anggota dan 30 aset JBPM selain dibantu pelbagai agensi lain.

"Setakat pukul 3 petang hari ini

(semalam), kami berjaya memadam 75 peratus kebakaran. Angin yang kuat pada hari ini (semalam) juga agak menyukarkan operasi.

"Cuaca agak mendung awal pagi tadi (semalam) tapi hujan tidak turun. Jika turun, mungkin ia boleh membantu operasi pemadaman hari ini," katanya kepada *Bernama* di sini semalam.

Mohamad Faizul berkata, operasi pemadaman dilakukan tanpa henti selama 24 jam sejak 21 Ogos lalu.